




# POLISI PENGURUSAN PENGARUH LUAR DAN SURAT SOKONGAN

JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA (JPPM)  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI



# **POLISI PENGURUSAN PENGARUH LUAR DAN SURAT SOKONGAN**

**DITERBITKAN OLEH:**



**UNIT INTEGRITI  
JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA (JPPM)  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)**

Aras 8 & 9, Setia Perkasa 7, Kompleks Setia Perkasa,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62546, W.P. Putrajaya  
No. Tel : 03-88702601  
No. Faks : 03-88702659  
Emel : *integritijppm@ros.gov.my*  
Laman Web : [www.ros.gov.my](http://www.ros.gov.my)



# Sekapur Sirih

**KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**A**

*ssalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.*

Amalan menggunakan pengaruh luar dan cubaan mempengaruhi sesuatu pertimbangan atau keputusan bagi apa-apa urusan melalui surat sokongan telah menjadi amalan dan budaya masyarakat yang tidak beretika. Surat sokongan yang diterima seringkali meletakkan penjawat awam yang dipertanggungjawabkan untuk membuat sesuatu keputusan atau pertimbangan dalam keadaan serba salah dan terganggu.

**Polisi Pengurusan Pengaruh Luar Dan Surat Sokongan** ini diterbitkan selaras dengan hasrat Kementerian supaya Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) menuju ke arah pensijilan **MS ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Antirasuah - Anti-Bribery Management System (ABMS)**.

Oleh yang demikian, bertepatan dengan Polisi ini, warga JPPM diharap dapat melaksanakan penyampaian perkhidmatan dengan telus dan professional tanpa campur tangan mana-mana pihak.

Saya dengan sukacitanya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada Unit Integriti JPPM di atas kejayaan penerbitan **Polisi Pengurusan Pengaruh Luar Dan Surat Sokongan** ini. Akhir kata, saya ingin memetik Inisiatif 1.3.1, Pelan Antirasuah Nasional yang “Melarang Anggota Pentadbiran atau Individu Berpengaruh daripada mengeluarkan surat sokongan ke atas mana-mana permohonan atau projek. Oleh itu, semua Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk tidak lagi menerima surat sokongan sebagai arahan atau keputusan daripada Anggota Pentadbiran atau Individu Berpengaruh”.

Sekian, terima kasih.

**DATUK HAJI RUJI BIN HAJI UBI**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Dalam Negeri





## PERUTUSAN KETUA PENGARAH JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA (JPPM)

A

ssalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, pertama sekali saya ingin memanjatkan kesyukuran kehadrat Allah SWT atas limpah dan izinNya, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) telah berjaya menerbitkan **Polisi Pengurusan Pengaruh Luar Dan Surat Sokongan**. Penerbitan ini merupakan salah satu komitmen JPPM dalam memastikan apa-apa bentuk tekanan atau desakan sama ada secara lisan, bukan lisan atau apa-apa bentuk yang lain daripada Pemimpin Kerajaan atau Individu Berpengaruh ke atas warga JPPM yang bertujuan untuk menyokong sesuatu permohonan atau mempengaruhi pertimbangan keputusan dapat dibendung.

Ianya perlu diberi perhatian bagi menyokong aspirasi negara dalam memperkemaskan kawalan sedia ada dan melaksanakan langkah pencegahan untuk memastikan isu ini tidak berleluasa di JPPM. Jika tidak dibendung sewajarnya, dikhuatiri ia boleh membawa kesan yang lebih buruk akibat kelulusan tidak wajar, tindakan tidak adil, perolehan berpihak, syor yang menjurus dan sebagainya.

Saya percaya, melalui penerbitan ini orang awam termasuk warga JPPM dapat menjadikan ia sebagai rujukan dalam usaha untuk memberikan maklumat berkaitan tatakelakuan tidak wajar yang dilakukan oleh warga JPPM.

Semoga ia menjadi panduan kepada warga JPPM bagi memperkuatkannya nilai akauntabiliti dan integriti di samping menangani campur tangan mana-mana individu berpengaruh dalam membuat penilaian dan keputusan.

Sekian. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

DATO' MOHD ZULFIKAR BIN AHMAD

Ketua Pengarah

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM)

Tarikh:

10/6/2024



## KANDUNGAN

| <b>Bil</b> | <b>Perkara</b>   | <b>Muka Surat</b> |
|------------|--|-------------------|
| 1.         | Pendahuluan  | 1                 |
| 2.         | Tujuan   | 1                 |
| 3.         | Pemakaian  | 1                 |
| 4.         | Takrifan   | 1                 |
| 5.         | Pernyataan Polisi  | 2                 |
| 6.         | Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan                                      | 3                 |
| 7.         | Pengaruh Luar dan Surat Sokongan oleh Individu Berpengaruh dan Pemimpin Kerajaan | 3                 |
| 8.         | Pematuhan  | 4                 |
| 9.         | Pertanyaan dan Pelaporan   | 4                 |
| 10.        | Tarikh Kuatkuasa   | 5                 |
| 11.        | Penutup  | 5                 |
| 12.        | Rujukan  | 5                 |

## 1. PENDAHULUAN

- 1.1 Amalan menggunakan pengaruh luar dan memberi/menerima surat sokongan bagi maksud kepentingan peribadi telah menjadi budaya dalam masyarakat malah ianya amat sukar dibendung tanpa kawalan. Keadaan ini telah meletakkan penjawat awam dalam keadaan yang serba salah di dalam membuat pertimbangan dan keputusan berkaitan dengan urusan Kerajaan. Amalan ini boleh menjurus ke arah penyalahgunaan kuasa yang boleh menjelaskan imej dan integriti perkhidmatan awam.
- 1.2 Sehubungan itu, **Polisi Pengurusan Pengaruh Luar Dan Surat Sokongan** diwujudkan agar penyampaian perkhidmatan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) dapat dilaksanakan dengan telus dan profesional.

## 2. TUJUAN

Polisi ini diwujudkan bertujuan untuk menjadi rujukan warga JPPM mengenai tatacara pengurusan pengaruh luar dan surat sokongan.

## 3. PEMAKAIAN

Polisi ini terpakai ke atas semua warga JPPM. Polisi ini juga hendaklah dijadikan panduan oleh pemimpin kerajaan, individu berpengaruh, pertubuhan ataupun mana-mana individu/organisasi yang berurusan dengan warga JPPM.

## 4. TAKRIFAN

### 4.1 PENGARUH LUAR

Apa-apa bentuk tekanan/desakan/pujukan sama ada secara lisan, bukan lisan atau apa-apa bentuk yang lain daripada pemimpin kerajaan, individu berpengaruh, pertubuhan ataupun mana-mana individu/organisasi yang berurusan dengan warga JPPM yang bertujuan untuk menyokong sesuatu permohonan dan mempengaruhi pertimbangan keputusan.

### 4.2 SURAT SOKONGAN

Apa-apa komunikasi yang disampaikan sama ada dalam bentuk surat, memo, minit, emel atau khidmat pesanan ringkas yang bertujuan menyokong sesuatu permohonan dan mempengaruhi pertimbangan keputusan.

#### **4.3 INDIVIDU BERPENGARUH**

Bermaksud Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri, orang kenamaan, ahli-ahli politik dan anggota pentadbiran. Merujuk kepada Perkara 160, Perlembagaan Persekutuan “Anggota Pentadbiran” bermaksud seseorang yang memegang jawatan sebagai Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen atau Setiausaha Politik dan berhubung dengan sesuatu Negeri, ertinya seseorang yang memegang jawatan yang bersamaan dalam Negeri itu atau yang memegang jawatan sebagai anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan (selain anggota kerana jawatannya).

#### **4.4 PEMIMPIN KERAJAAN**

Mana-mana Individu yang mempunyai kedudukan dalam perkhidmatan awam seperti yang dinyatakan dalam Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan.

#### **4.5 WARGA JPPM**

Merujuk kepada semua pegawai dan kakitangan lantikan secara tetap, sementara dan kontrak di JPPM.

#### **4.6 PIHAK KETIGA**

Kontraktor, vendor, pembekal, organisasi, persatuan atau mana-mana pihak yang berurusan dengan JPPM.

#### **4.7 URUSAN KERAJAAN**

Apa-apa urusan berkaitan pengurusan pertubuhan dan penguatkuasaan di bawah Akta Pertubuhan 1966(Akta 832) serta khidmat pengurusan kerajaan seperti perolehan, kewangan, sumber manusia, pinjaman dan lain-lain hal berkaitan dengan JPPM.

### **5. PERNYATAAN POLISI**

- 5.1 JPPM sentiasa bersedia memberi komitmen sepenuhnya untuk memastikan integriti, tadbir urus baik dan ketelusan menjadi tunjang dalam penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.
- 5.2 Selaras dengan usaha dan komitmen tersebut, semua warga JPPM adalah **dilarang** untuk:

- 5.2.1 **membawa atau cuba membawa** pengaruh luar atau **mengemukakan** apa-apa surat sokongan bagi menyokong sesuatu permohonan dan mempengaruhi pertimbangan keputusan; dan
- 5.2.2 **menggunakan** pengaruh luar atau surat sokongan sebagai **asas pertimbangan** atau **arahan** dalam membuat keputusan.

## 6. PENGURUSAN PENGARUH LUAR DAN SURAT SOKONGAN

- 6.1 Dalam menguruskan pengaruh luar dan surat sokongan, warga JPPM hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:
  - 6.1.1 sekiranya sokongan diterima secara **bertulis**, hendaklah **difailkan** dalam fail berkaitan; atau
  - 6.1.2 sekiranya sokongan diterima secara **lisan**, hendaklah **dicatatkan komunikasi** tersebut secara bertulis berserta maklumat pihak yang memberi sokongan dan bentuk sokongan dalam helaian minit fail yang berkaitan; maka
  - 6.1.3 hendaklah dengan segera **melaporkan secara bertulis** sokongan yang diterima kepada **Ketua Jabatan atau Unit Integriti JPPM** untuk arahan dan tindakan lanjut; atau
  - 6.1.4 sekiranya **atas apa-apa sebab tertentu atau tidak praktikal** untuk melaporkan kepada Ketua Jabatan, hendaklah **melaporkan kepada agensi Kerajaan** yang berkaitan untuk arahan dan tindakan lanjut.

## 7. PENGARUH LUAR DAN SURAT SOKONGAN OLEH INDIVIDU BERPENGARUH DAN PEMIMPIN KERAJAAN

- 7.1 Kod Etika bagi Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen yang dikeluarkan pada Disember 2018 menetapkan bahawa Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen **hendaklah memastikan tidak berlaku percanggahan kepentingan** antara jawatan awamnya dan kepentingan peribadinya.

Percanggahan kepentingan boleh berlaku akibat pengaruh dan kuasa yang ada pada Anggota Pentadbiran sewaktu berada dalam kerajaan.

- 7.2 Sehubungan itu, individu berpengaruh dan pemimpin kerajaan **hendaklah mengelakkan daripada menggunakan jawatan** untuk mengenakan apa-apa tekanan ataupun mengeluarkan apa-apa surat sokongan bagi menyokong sesuatu permohonan dan mempengaruhi pertimbangan keputusan warga JPPM.

## **8. PEMATUHAN**

- 8.1 Keengganan dan kegagalan warga JPPM mematuhi Polisi ini boleh disifatkan sebagai ingkar perintah dan boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993.
- 8.2 Pelanggaran Polisi ini oleh pihak ketiga akan dimaklumkan kepada Perbendaharaan Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau mana-mana Badan Pengawal berkaitan untuk tindakan.

## **9. PERTANYAAN DAN PELAPORAN**

Sebarang pertanyaan atau pelaporan pelanggaran terhadap Polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran seperti berikut:

- i) emel: [integritijppm@ros.gov.my](mailto:integritijppm@ros.gov.my)
- ii) telefon: 03-8870 2631/2625 (Unit Integriti JPPM)
- iii) bersemuka; atau
- iv) menulis surat kepada

**Ketua Pengarah  
Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM)  
Kementerian Dalam Negeri  
Aras 9, Setia Perkasa 7, Kompleks Setia Perkasa  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62546, Putrajaya  
(U.P.: Ketua Unit Integriti)**

## **10. TARIKH KUAT KUASA**

Pelaksanaan Polisi Pengaruh Luar dan Surat Sokongan berkuatkuasa mulai tarikh ia ditandatangan oleh Ketua Pengarah JPPM.

## **11. PENUTUP**

Pelaksanaan Polisi Pengurusan Pengaruh Luar Dan Surat Sokongan ini bagi memperkuuhkan nilai akauntabiliti dan integriti di samping menangani campur tangan Individu Berpengaruh serta Pemimpin Kerajaan dalam membuat penilaian dan keputusan.

## **12. RUJUKAN**

1. Perlembagaan Persekutuan.
2. Peraturan-Peraturan Penjawat Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993.
3. Kod Etika Bagi Anggota Pentadbiran Dan Ahli Parlimen, Jabatan Perdana Menteri yang dikeluarkan pada Disember 2018.
4. Garis Panduan Tindakan Ke Atas Sokongan Yang Diterima Daripada Pemimpin Kerajaan, Individu Berpengaruh atau Mana-mana Orang Mengenai Sesuatu Urusan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri bertarikh 8 Mac 2010.



**UNIT INTEGRITI  
JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA (JPPM)  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)**